

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	08 MAY 2017

Libatkan Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan mulai 1 Jun

Dasar kabotaj dikecualikan

UM- 8/5/2017

■ SANDAKAN 7 MEI

PERDANA Menteri, Datuk Seri Naib Tun Razak hari ini mengumumkan pengecualian dasar kabotaj kepada Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan berkuat kuasa 1 Jun depan.

Najib berkata, dengan pengecualian dasar kabotaj itu, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan tidak lagi terikat dengan dasar yang dikenakan ke atas semua aktiviti perkhidmatan perkapalan kargo antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

“Orang Sabah kata, jangan lagi pakai dasar kabotaj di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Saya nak beritahu bahawa atas saranan Kerajaan Negeri Sabah dan Barisan Nasional Sabah, maka mulai 1 Jun 2017 ini, kerajaan memutuskan untuk melaksanakan pengecualian dasar kabotaj bagi perkhidmatan yang menjalankan aktiviti kargo.

“Maknanya (pengecualian ini adalah) dari mana-mana pelabuhan di Semenanjung Malaysia ke mana-mana pelabuhan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dan sebaliknya, di antara pelabuhan dalam negeri Sabah dan pelabuhan negeri Sarawak.

“Bagaimanapun, ini tidak terpakai kepada kapal-kapal yang beroperasi di antara Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan,” katanya ketika berucap dalam majlis Pelancaran Ekspresi Negeraku di Padang Perbandaran Sandakan, di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman; Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; be-



NAJIB TUN RAZAK menyerahkan sumbangan sebanyak **RM177,000** kepada Pengarah Pendidikan Sabah, **Datuk Maimunah Suhaibul** untuk bantuan tuisyen kepada PIBG sekolah di Parlimen Libaran, Batu Sapi dan Sandakan sambil diperhatikan **Salleh Said Keruak, Liow Tiong Lai** dan **Musa Aman** sempena perasmian terminal baharu dan pelancaran projek naik taraf landasan Lapangan Terbang Sandakan, Sabah, semalam. - BERNAMA

berapa menteri Kabinet negeri dan Persekutuan serta pemimpin masyarakat.

Najib berkata, dengan pengecualian itu, tidak ada lagi isu yang dikatakan ramai pihak sebelum ini yang menyebut bahawa dasar kabotaj menjadi punca kenaikan harga barangan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Sementara itu, Najib berkata, Kerajaan Persekutuan komited untuk menepati janjinya menambah bilangan rakyat Sabah bagi mengisi jawatan dalam perkhidmatan awam Persekutuan di negeri ini seperti diumumkan sebelumnya.

Sebagai contoh, kata Najib, ke-

tika mengumumkan komitmen itu beberapa tahun lalu, hanya 72 peratus guru di Sabah adalah terdiri daripada rakyat Sabah dan kini jumlahnya bertambah kepada lebih 80 peratus.

“Ini kita naikkan kepada 90 peratus dalam masa tiga tahun akan datang. Begitu juga doktor. Doktor dalam kalangan rakyat Sabah sudah mencapai 40 peratus sekarang ini. Kita akan beri peluang lagi kepada orang dalam perkhidmatan awam,” katanya.

Sementara itu, Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, hari ini beliau akan menepati janji kepada rakyat Sandakan yang dibuatnya

ketika melawat Sandakan pada 3 Mac lalu untuk menaik taraf Lapangan Terbang Sandakan.

Beliau berkata, majlis pecah tanah bagi kerja menaik taraf lapangan terbang berkenaan akan dilakukannya dan dengan menaik taraf lapangan terbang itu, diharap dapat menarik lebih ramai pelancong antarabangsa seperti dari China, Korea Jepun, negara-negara Asean dan sebagainya melawat Sandakan.

“Kontraktor sudah ditentukan. Ia akan melaksanakan projek ini. Peruntukan saya dah sediakan sebagai Menteri Kewangan sebanyak RM80 juta,” katanya. - BERNAMA